

Cerita pengerusi sidang 'ribut' Umno

KOTA BHARU, Ahad — Majlis Tertinggi UMNO Malaysia (MT) diminta memutuskan sama ada sah atau tidak mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Rantau Panjang petang semalam setelah ditangguhkan selepas berlaku keributan dalam persidangan di sebelah pagi.

Pengurus Tetap persidangan, Datuk Yaacob Awang, akan menghantar laporan perjalanan persidangan itu dan peristiwa yang berlaku, kepada Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Datuk Haji Mustafa Ja-

bar.

Satu keributan berlaku dalam sidang perwakilan Bahagian itu di Sekolah Menengah Tiang Chandi, Pasir Mas, 20 kilometer dari sini tengahari semalam. Seorang sarjan polis menembak ke udara sebagai amaran bagi mententeramkan keadaan.

Berikutan peristiwa itu, Datuk Yaacob berkata beliau menangguhkan persidangan.

Sidang itu disambung semula sebelah petangnya dengan memilih Pengerusi

Sementara atas persetujuan dua pertiga ahli dan mengadakan pemilihan pucuk pimpinan Bahagian.

Datuk Yaacob, 66 tahun, hari ini menceritakan perjalanan mesyuarat semalam.

Katanya, sebelum pengundian dijalankan, Ketua Bahagian Datuk Hussein Ahmad memberitahu perwakilan bahawa Jawatankuasa Bahagian menyediakan dua kerani pendaftar kertas undi dan empat orang pembilang undi yang telah dibawa masuk ke dalam dewan persidangan.

Katanya, seorang perwakilan membantah dan meminta perwakilan memilih sendiri pegawai-pegawai itu. Ketika ini mula timbul sedikit gangguan para perwakilan dan pemerhati.

Katanya, Datuk Haji Hussein sekali lagi bangun menegaskan "ini hak Bahagian."

Seorang perwakilan membantah dan mempertikaikan kertas undi sulit yang disediakan oleh Bahagian yang mengandungi nombor siri dan memestikan nama wakil cawangan dan nombor kad

pengenalan perwakilan dicatit.

Katanya, Datuk Hussein yang mengambilalih sebagai Setiausaha Bahagian kerana pegawai berkenaan uzur, mengaku bahawa kertas undi sulit itu mempunyai siri nombor dan mahukan kertas itu digunakan kerana disediakan oleh Bahagian.

Menurut Datuk Yaacob, setelah perwakilan setuju menyerahkan masalah itu kepada kebijaksanaannya, "Saya memberi jaminan bahawa kertas undi itu tidak akan dipakai jika didapati tidak sulit."

Datuk Haji Hussein, tambahnya, menyuarakan supaya kertas undi itu dipakai kerana disediakan oleh Jawatankuasa Bahagian.

Seorang perwakilan bertanya sama ada nombor di atas kertas pendaftar perwakilan akan digunakan dalam kertas undi dan Datuk Hussein menjawab ringkas: "Mesti digunakan."

Ketika inilah, kata Datuk Yaacob, keadaan bertambah genting hingga berlaku tumbuk menumbuk dan membaling kerusi. Polis menembak ke udara sebagai amaran untuk mententeramkan keadaan.

Selepas mendengar tembakan, ada perwakilan cuba keluar dan ada yang merempuh tingkap cermin.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia